

Headline	Pemaju perlu dana hijau alam sekitar		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	04 May 2012	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	29	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	369 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,445
Frequency	Daily	PR Value	RM 37,335



Pemaju perlu dana hijau alam sekitar

Usaha tingkat kualiti kehidupan di Selangor

Khairul Azran Hussin

SHAH ALAM: Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menitahkan setiap pemaju perumahan di negeri itu menyediakan dana mencukupi untuk penghijauan alam sekitar bagi meningkatkan kualiti kehidupan di sekeliling.

Selain menekankan kewujudan kawasan hijau di kawasan perumahan, baginda percaya projek pembangunan yang memberikan keutamaan kepada kehijauan akan mendapat sambutan baik daripada penduduk di Selangor.

“Kedudukan kawasan hijau juga perlu strategik dan praktikal bagi memudahkan semua penghuni mengunjunginya dan beriadah dengan mudah, aman dan selamat.

“Kawasan perumahan yang boleh menjadi contoh baik ialah apabila aspek keselamatan, kebersihan, keharmonian dan perpaduan semua kaum seimbang dengan kehidupan penghuninya.

“Sumbangan pemaju ke arah mewujudkan persekitaran yang kondusif ini amat diperlukan dan diharapkan,” titah baginda ketika menyempurnakan Program

‘Trees to Green’ di Taman Idaman, Alam Impian di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim; Pengerusi I&P Group Sdn Bhd (I&P Group), Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid dan Pengarah Urusan Kumpulannya, Datuk Jamaludin Osman. I&P Group adalah anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Bhd (PNB).

Program ‘Trees to Green’ itu hasil kerjasama antara I&P Group dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) untuk menanam 1,500 pokok di kawasan seluas 124 hektar tanah di kawasan perumahan Alam Impian.

Titah Sultan Selangor, usaha penghijauan alam sekitar perlu menjadi agenda utama pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri ini dengan memantau serta mengawasi usaha terbabit.

“PBT perlu memastikan usaha ini ada kesinambungannya apabila tiba masanya untuk mengambil alih kawasan awam ini suatu hari nanti. Penjagaan pokok serta kebersihan taman awam perlu dilakukan dengan berkesan.

“Kejayaan penghijauan alam sekitar juga menjadi tanggungjawab setiap penduduk. Beta meminta setiap individu menjaga taman awam seperti kita menjaga kediaman sendiri dan sewajarnya setiap penduduk menjaga kawasan yang indah ini supaya boleh menjadi khazanah diwarisi turun-temurun,” titah baginda.

Sultan Sharafuddin turut mengingatkan pemaju, pengusaha industri dan individu supaya tidak menentang pokok sewenang-wenangnya, terutama pokok yang membesar dengan subur dan berkualiti kerana ia bernilai untuk kestabilan ekologi serta alam sekitar.

“Kita perlu menunggu masa lama, kadang-kadang sehingga berpuluh tahun untuk satu pokok membesar dengan subur dan berkualiti,” titah baginda.

Baginda juga berharap dapat melihat Shah Alam sebagai bandar raya dalam taman yang keindahannya tidak hanya dinilai menerusi pembangunan fizikal saja, tetapi lebih utama, sistem ekologi yang terpelihara dalam mewujudkan suasana kondusif yang sesuai untuk didiami semua golo-

Headline	Pemaju perlu dana hijau alam sekitar		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	04 May 2012	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	29	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	369 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,445
Frequency	Daily	PR Value	RM 37,335



SULTAN SHARAFUDDIN menerima pokok Meranti Laut daripada Ahmad Sarji (kanan) pada Majlis Perasmian Trees To Gree di Shah Alam, semalam.